

# Guru2 digesa

## kikis sikap

R. M. 4 NOV 1974  
'tiap bulan

## terima gaji' P

**KUANTAN, Sab-**  
tu. — Men-  
teri Pelajaran,  
Dr. Mahathir  
Mohamad hari  
ini menggesa  
kaum guru me-  
ngikis sikap  
"tiap bulan gaji  
diterima juga"  
dalam menja-  
lankan tugas se-  
hari-hari.

Sikap ini tidak  
menguntungkan  
sesiapa, malah  
merugikan nega-  
ra, kaum guru  
serta anak-anak  
di masa depan,  
katanya.

Tambah be-  
liau, suara-suara  
seperti ini per-  
nah di dengar di  
suarakan oleh  
setengah kaum  
guru.

Sepatutnya se-  
bagai seorang  
pendidik mereka  
tidak harus ber-  
kata demikian  
kerana pengala-  
man mereka san-  
gat-sangat di-  
harapkan oleh  
masyarakat.

Me r a s m i k a n

persidangan per-  
wakilan tahun-  
an Kesatuan  
Kebangsaan Gu-  
ru-guru Lepas-  
an Maktab/Pu-  
sat Latihan Ha-  
rian Malaysia  
beliau mensifat-  
kan kejadian ini  
sebagai penyakit  
kanser atau ba-  
rah yang berlaku  
di sekolah-seko-  
lah.

Jika diteruskan  
penyakit ini bo-  
leh menjangkit  
dan kesannya  
sungguh merba-  
haya.

"Saya berha-  
rap penyakit ini  
dikikis segera  
supaya anak-  
anak dan juga  
masa depan ne-  
gara tidak dije-  
jaskan," k a t a  
beliau.

Beliau me-  
nambah Kemen-  
terianya sen-  
tiasa ingin me-  
lihat s u p a y a  
profesion pergu-  
ruan ini mem-  
punyai keduduk-  
an yang tinggi.